

LAMPIRAN A

KERETA SEWA

- 1. SURAT TAWARANINI BUKANLAH LESEN UNTUK KENDERAANINI BEROPERASI DI JALAN RAYA.**
- 2. KENDERAANINI MESTILAH DIPANDU SENDIRI OLEH PEMEGANG LESEN SAHAJA.**
- 3. KENDERAANINI JUGA MESTILAH DICATKAN DENGAN WARNA KUNING DI BAHAGIAN ATASNYA.**
- 4. KENDERAAN TERSEBUT HENDAKLAH TIDAK KURANG DARIPADA 1,450CC DAN UMURNYA TIDAK MELEBIHI ENAM (6) TAHUN DARI TARikh DIDAFTARKAN DI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ).**
- 5. NOMBOR LALUAN BESERTA NAMA LALUAN DAN NOMBOR RUJUKAN FAIL HENDAKLAH DITULISKAN DI SEBELAH KANAN DAN KIRI KENDERAAN YANG DILESEN.**
- 6. ARAHAN MEMPAMERKAN PELEKAT ADUAN JPJ SARAWAK DAN LPKP SARAWAK **DI BADAN KENDERAAN PERDAGANGAN DI BAHAGIAN LUAR BELAKANG KANAN KENDERAAN.** SILA RUJUK LAMPIRAN.**

LAMPIRAN A

SPESIFIKASI PELEKAT ADUAN DI BAHAGIAN LUAR BADAN KENDERAAN PERDAGANGAN BAGI KELAS LESEN TEKSI, KERETA SEWA, BAS SEKOLAH, BAS BERHENTI-HENTI, BAS PEKERJA DAN BAS EKSPRES (YANG MENGGUNAKAN KENDERAAN JENIS VAN DENGAN BILANGAN TEMPAT DUDUK 14 ORANG TERMASUK PEMANDU)



SPESIFIKASI

1. Jenis Tulisan : ARIAL BOLD
2. Warna Latar Belakang : PUTIH (PANTULAN CAHAYA)
3. Warna Tulisan : HITAM
4. Saiz Pelekat : 32 CM X 12 CM
5. Saiz *Outline* : 30 CM X 10 CM

**SYARAT PERMOHONAN LANJUT TEMPOH
SURATTAWARAN KELULUSAN (STK)**

Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bil.1/2023 bertarikh 20 Februari 2023 telah memutuskan bahawa STK yang tamat tempoh satu (1) tahun dibenarkan untuk membuat permohonan lanjut tempoh berdasarkan syarat-syarat di bawah:-

1. Permohonan lanjut tempoh perlu dipohon dan dikemukakan **sebelum tamat tempoh asal** satu (1) tahun yang tertera pada Surat Tawaran Kelulusan (STK); dan
2. **Permohonan Perlanjutan STK hendaklah dibuat secara berterusan sehingga Fasa ke-2** (sila rujuk jadual di bawah) sekiranya kenderaan masih belum dilesenkan.

Contoh :

BIL	TARIKH ASAL STK	TARIKH TAMAT STK	FASA PERLANJUTAN TEMPOH STK		KADAR BAYARAN
			FASA 1 02.01.2024 - 01.01.2025	FASA 2 02.01.2025 - 01.01.2026	
1.	02.01.2023	01.01.2024	Satu kelulusan diberi selama setiap 1 bulan bagi setiap satu permohonan	Setiap kelulusan diberi selama setiap 14 hari bagi setiap satu permohonan	Setiap tempoh kelulusan dikenakan bayaran sebanyak RM50.00

** Fasa Perlanjutan Tempoh STK tertakluk kepada tarikh STK Asal.*

3. Pemohon yang menghantar permohonan lanjut tempoh STK selepas tarikh tamat asal STK, permohonan akan dipertimbangkan seperti berikut:
 - i. Tarikh mula lanjut tempoh STK diundurkan bermula pada hari selepas tamat tempoh asal STK dengan setiap satu kelulusan diberi tempoh sebulan atau/dan 14 hari untuk satu kelulusan sehingga tarikh terkini permohonan dipertimbangkan; dan
 - ii. Bayaran RM50.00 masih dikenakan ke atas setiap satu kelulusan yang telah dipertimbangkan.
4. Pemohon juga **dibenarkan membuat permohonan perlanjutan secara pukal dalam satu permohonan dan caj RM50.00 akan tetap dikenakan untuk setiap satu kelulusan yang telah dipertimbangkan tertakluk kepada fasa perlanjutan tempoh STK seperti pada contoh di Jadual 1.**
5. **Syarat-syarat baharu ini digunakan untuk Surat Tawaran Kelulusan (STK) yang dikeluarkan bermula pada Mesyuarat Lembaga Bil.1/2023 dan seterusnya.**
6. Dokumen-dokumen bagi permohonan perlanjutan tempoh STK adalah seperti berikut:
 - 6.1. Borang LPKP 17;
 - 6.2. Bayaran Proses @ RM10.00 seunit;
 - 6.3. Salinan Surat Tawaran; dan
 - 6.4. Surat Penjelasan Pemohon.

